



UiTM JUARA KESELURUHAN

Jumpa lagi SUKIPT 2016



KERJASAMA



Institusi Pengajian Tinggi

@sukanipt2014

<http://sukipt.com.my>

SUKIPT 2014 BERJAYA!

Wartawan : Megat Mohd Rafiezi Megat Mohd Rodzi
Foto : Megat Mohd Rafiezi Megat Mohd Rodzi

"Penganjuran Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 berjaya."

Itu apa yang diucapkan oleh Setiausaha Bahagian Sukan, Pengurusan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Encik Hazally Jali ketika ditemu bual dalam wawancara khas bersama Buletin SUKIPT.

Beliau melihat SUKIPT telah mencapai target apabila

disertai kontingen yang besar selain penglibatan atlet-atlet yang berpontensi tinggi.

Encik Hazally Jali juga gembira apabila melihat rekod-rekod baharu terus dicipta sepanjang SUKIPT berlangsung. SUKIPT menjadi platform untuk menyediakan atlet-atlet bagi mewakili negara ke Sukan Universiti Asia (AUG) yang akan diadakan di Palembang, Indonesia, Oktober ini.

Mengakhiri temu bual tersebut, beliau berharap SUKIPT 2016 mampu menjadi lebih hebat dan meriah selain berkata, kejayaan yang berlaku ini hasil kerjasama semua pihak, baik atlet, sukarelawan, pegawai-pegawai dan semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak.



UiTM JUARA KESELURUHAN!!!

Wartawan : Megat Mohd Rafiezi Megat Mohd Rodzi

64 emas, 44 perak dan 34 gangsa. Itulah figura yang membolehkan Universiti Teknologi MARA (UiTM) ditabalkan sebagai juara keseluruhan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014.

UiTM sebagai tuan rumah SUKIPT Edisi Kedua ini boleh berbangga apabila jauh meninggalkan pesaing terdekat yang juga juara keseluruhan SUKIPT edisi lalu, Universiti Putra Malaysia (UPM). Berbekalkan azam yang jitu dan semangat sukan yang tinggi, misi UiTM untuk menjadi juara keseluruhan tercapai.

Untuk SUKIPT 2016 kelak, semua IPT terutama UPM pasti akan membuat persediaan dengan lebih rapi bagi merampas takhta sang juara. UiTM juga perlu bekerja lebih keras untuk mempertahankan kejuaraan yang dimiliki.

Singa terus mengaum!



UPM KUASA BARU SEPAK TAKRAW

Wartawan : Ahmad Muzakkir Mohd Zuki

Foto : Zulfikhy

Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadi kuasa baru acara sepak takraw apabila mengalahkan juara bertahan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan keputusan 21-18, 21-13 dalam aksi akhir sepak takraw Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 di Pusat Sukan UiTM.

Walaupun bermain di tempat sendiri, UiTM gagal memanfaatkan kelebihan tersebut sebaliknya UPM berjaya menguasai gelanggang.



"Saya sangat berpuas hati dengan prestasi hari ini walaupun sedikit gementar kerana kami bertemu dengan gergasi besar sepak takraw universiti dan mungkin kemenangan ini juga merupakan hasil semangat berpasukan kami yang sentiasa membantu antara satu sama lain," ujar tekong UPM, Mohamad Syamsul Mat.

Manakala perlawanan penentuan tempat ketiga juga menyaksikan pertembungan sengit antara Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) di mana kemenangan berpihak kepada UMP, 16-21, 21-16, 22-24, sekaligus membawa pulang pingat gangsa.



KOLEJ KOMUNITI SABAH: MENYERLAH DI PENCAK SILAT

Wartawan : Nur Atiqqa Natasha Zoo & Ainanie Taufik

Foto : Suzairi Hafizi

Dewan Agong Tunku Canselor menjadi saksi apabila Kolej Komuniti Sabah berjaya berada di tempat ketiga untuk pungutan pingat keseluruhan silat olahraga dengan merangkul 2 emas dan 1 gangsa.

Kutipan emas telah disumbangkan oleh Irmalah Binti Abdul Aziz bagi kategori Putri Kelas B dan Hainniezah Binti Jakiri bagi kategori Putri Kelas Bebas manakala pingat gangsa pula telah dirangkul oleh Mohd Alif Hanafi Bin Arifin bagi kategori Putra Kelas F.

Menurut pasukan pencak silat Kolej Komuniti Sabah, mereka berasa amat gembira dan bersyukur dengan kejayaan yang telah dicapai untuk kejohanan pada kali ini dan berharap mampu meningkatkan pencapaian yang lebih cemerlang pada temasya sukan yang akan datang.



UPM UNGGULI LAWAN PEDANG

Wartawan : Farishah Hanem

Foto : Arif Harun & Awangku Hisyam

Universiti Putra Malaysia (UPM) mengakhiri acara lawan pedang dengan cemerlang apabila menyapu bersih kesemua tiga pingat emas yang ditawarkan pada hari akhir acara lawan pedang Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

UPM memulakan kejayaan dengan memenangi emas bagi kategori Berkumpulan Wanita Foil yang diwakili oleh Ivy Cheah Hsio Yong, Nur Amalina Tukiman, Natasha Ezza Abu Bakar dan Filzah Syabila berjaya menewaskan pasukan tuan rumah, Universiti Teknologi MARA (UiTM).



Sementara itu, bagi kategori Berkumpulan Lelaki Epee, UPM meneruskan kecemerlangan meraih emas dengan sekali lagi menewaskan UiTM. Acara terakhir yang dipertandingkan iaitu kategori Berkumpulan Lelaki Sabre, UPM sekali lagi membuktikan penguasaan mereka dalam acara ini apabila mengenyahkan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) selepas menerima saingan sengit dengan keputusan 45-41.

"Saya berasa bersyukur kerana apa yang kita rancang telah menjadi. Kejayaan ini memang kita telah aturkan secara strategi. Kami 50-50 sebenarnya tapi apa yang kita buat adalah dengan mengaplikasikan sains sukan, menganalisis setiap performance, kekuatan kami dan kelemahan pihak lawan," kata Dr. Tengku Fadhillah yang merupakan Ketua Jabatan Pengajian Sukan UPM.

JAWATANKUASA

PENGERUSI

Ishanuddin bin Hussin

PENYELARAS

Zaidi bin Shariff

EDITOR

Nor Azlina binti Mohd Zubaidi
Suraya binti Ismail@Shaari

GRAFIK

Faizal bin Ayob
Shahirah Haffah binti Sangaji
Lily Haryanti binti Az Muzni

JURUFOTO

Meor Sharifuddin bin Meor Shukri
Khairulnizam bin Md Hairuddin
Enamul Shah bin Abdul Halim
Mohd. Fauzan bin Md. Sardi
Noor Kasmara bin Mohd Sokarnor
Mohamad Amirul bin Mohd Adnan (UiTM)
Pelajar Kolej Komuniti Paya Besar
Pelajar Kolej Komuniti Jasir



MALAM PENGHARGAAN SUKARELAWAN



WAJAH-WAJAH SUKARELAWAN DI VENUE





Apa pandangan anda mengenai buletin SUKIPT2014?

Bagi saya buletin yang disediakan jelas dan setiap sukan yang dipertandingkan boleh diketahui perkembangan walaupun saya tidak ke venue terbabit.

Nama : Nursyazwani Azlin Binti Mohd Zaharudin
Aflet Pencak Silat Politeknik Ungku Omar



Pada saya buletin pada edisi kali ini amat padat isi kandungan kerana mengandungi gambar yang banyak dan maklumat-maklumat berkaitan aktiviti-aktiviti dan kejohanan yang berlangsung di SUKIPT 2014.

Nama: Mohd. Hafiz Bin Abdullah
Jawatankuasa Perubatan

Komen saya cukup mudah, saya dapat lihat kualiti Buletin & Dokumentasi meningkat dari sehari ke sehari dan juga kualiti gambar dan berita boleh dikategorikan sebagai professional walaupun jurufoto adalah sukarelawan dari kalangan pelajar Kolej Komuniti.

Nama : Khairulnizam Bin Md Hairuddin
Jawatankuasa Media



Alhamdulillah buletin pada edisi kali ini menampilkan berita-berita yang menarik dan gambar-gambar yang baik.

Nama : Enamul Shah Bin Abdul Halim
Jawatankuasa Media

Banyak maklumat yang kita boleh tahu dan gambar juga banyak rekabentuk grafik yang dihasilkan juga amat baik dan mudah untuk dilihat.

Nama : Norhidayu Binti Misran
Jawatankuasa ICT



Saya rasa bagus kerana ianya merangkumi acara yang saya tidak dapat pergi. Buletin kali ini juga memberitahu secara terperinci siapa yang menang. Bagi saya semua okay dan baik.

Nama : Mohd Amirul Bin Mohd Yunus
Jawatankuasa Teknikal Dan Pertandingan

TERIMA KASIH KPM. Saya bagi pihak seluruh sukarelawan banyak belajar dari SUKIPT 2014. KPM telah banyak menyumbang kepada kami warga sukarelawan. Berjumpa lagi pada SUKIPT 2016.

Nama : Mohd Suzairi Hafizi Bin Zainal Abidin
Jawatankuasa Media



KESELURUHAN PUNGUTAN PINGAT



1	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA	64	44	34
2	UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA	53	31	36
3	UNIVERSITI MALAYA	16	11	17
4	UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	15	6	8
5	SUNWAY UNIVERSITY	11	7	4
6	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	10	7	11
7	UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN	6	10	5
8	TAYLOR'S UNIVERSITY	6	4	9
9	UNIVERSITI SAINS MALAYSIA	5	9	12
10	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	5	7	13
11	UNIVERSITI MALAYSIA SABAH	5	6	11
12	UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN	5	0	1
13	KOLEJ KOMUNITI SABAH	4	4	4
14	POLITEKNIK SELANGOR	4	1	1
15	UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA	3	6	7
16	UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA	3	4	4
17	HELP UNIVERSITY	3	3	7
18	KOLEJ UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN	2	6	6
19	UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU	2	4	6
20	POLITEKNIK PERAK	2	2	6
21	UNIVERSITI TENAGA NASIONAL	2	0	2
22	UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	1	5	8
23	INTI INTERNATIONAL COLLEGE SUBANG	1	4	2
24	KOLEJ KOMUNITI JOHOR	1	3	1
25	POLITEKNIK JOHOR	1	3	0
26	NILAI UNIVERSITY	1	1	3
27	KOLEJ KOMUNITI PULAU PINANG	1	1	0
28	SWINBURNE UNIVERSITY OF TECHNOLOGY SARAWAK CAMPUS	1	1	0
29	UNIVERSITI KUALA LUMPUR	1	0	3
30	UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS	1	0	2
31	MAJLIS SUKAN MATRIKULASI MALAYSIA	1	0	2
32	POLITEKNIK SARAWAK	1	0	1
33	UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK	1	0	1
34	KUALA LUMPUR METROPOLITAN UNIVERSITY COLLEGE	1	0	1
35	UNITAR INTERNATIONAL UNIVERSITY	1	0	0
36	INSTITUT PENDIDIKAN GURU PULAU PINANG	1	0	0
37	KOLEJ KOMUNITI TERENGGANU / KELANTAN	1	0	0
38	UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK	1	0	0
39	INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA	0	8	13
40	POLITEKNIK PULAU PINANG	0	3	3
41	ASIA PACIFIC UNIVERSITY OF TECHNOLOGY & INNOVATION	0	3	1
42	POLITEKNIK KEDAH	0	3	0
43	UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG	0	2	4
44	UNIVERSITI UTARA MALAYSIA	0	2	3
45	POLITEKNIK MELAKA	0	2	3
46	UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA	0	2	3
47	POLITEKNIK SABAH	0	2	2
48	POLITEKNIK PAHANG	0	2	2
49	KOLEJ MULTIMEDIA KUALA LUMPUR	0	2	2
50	KOLEJ POLY-TECH MARA KUANTAN	0	2	2
51	UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	0	1	3
52	KUALA LUMPUR INFRASTRUCTURE UNIVERSITY COLLEGE	0	1	2
53	INSTITUT SAINS & TEKNOLOGI DARUL TAKZIM	0	1	2
54	TAJ INTERNATIONAL COLLEGE	0	1	0
55	KBU INTERNATIONAL COLLEGE	0	1	0
56	INSTITUT PENDIDIKAN GURU SELANGOR	0	1	0
57	CITY UNIVERSITY COLLEGE SCIENCE & TECHNOLOGY	0	1	0
58	POLITEKNIK NEGERI SEMBILAN	0	1	0
59	KOLEJ KOMUNITI NEGERI SEMBILAN / MELAKA	0	1	0
60	POLITEKNIK TERENGGANU	0	1	60
61	INTI INTERNATIONAL UNIVERSITY	0	0	4
62	KOLEJ POLY-TECH MARA KUALA LUMPUR	0	0	3
63	METHODIST COLLEGE KUALA LUMPUR	0	0	2
64	KOLEJ KOMUNITI SARAWAK	0	0	2
65	KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA	0	0	2
66	KOLEJ KOMUNITI PAHANG	0	0	2
67	POLITEKNIK KELANTAN	0	0	1
68	INSTITUT PENDIDIKAN GURU KUALA LUMPUR	0	0	1
69	SEGI UNIVERSITY	0	0	1
70	INSTITUT PERGURUAN PERLIS	0	0	1
71	ASIA METROPOLITAN UNIVERSITY	0	0	1
72	KDU UNIVERSITY COLLEGE	0	0	1
73	HELP COLLEGE OF ART & TECHNOLOGY	0	0	1
74	GERMAN-MALAYSIAN INSTITUTE	0	0	1
75	KOLEJ KOMUNITI PERAK	0	0	1
76	UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA	0	0	1
77	POLITEKNIK PERLIS	0	0	1
78	KOLEJ KOMUNITI KEDAH / PERLIS	0	0	1
79	KOLEJ UNIVERSITI LINTON	0	0	1

